

## **Prosedur untuk Memperolehi Salinan Laporan Ahli Kimia Malaysia Yang Disahkan Benar**

(Untuk pihak swasta seperti syarikat insurans, peguambela atau individu)

### *Langkah 1:*

Untuk mendapatkan salinan laporan kimia, anda perlu memaklumkan kepada kami nombor rujukan laporan tersebut (Nombor Makmal Kimia Malaysia). Tanpa nombor makmal adalah sukar untuk mengesan laporan berkaitan yang diperlukan. Dengan berpandukan nombor laporan polis, nombor kenderaan, nama si mangsa atau sebagainya kerana butir-butir dimasukkan ke dalam komputer dengan susunan yang tertentu.

Jika perlu mengetahui nombor makmal, sila bertanya kepada pihak polis yang mengendalikan kes tersebut. Setelah memperolehi nombor makmalnya, sila bertanya ke Jabatan ini samada nombor makmal tersebut adalah betul ujud dan salinan laporannya boleh didapati dari Jabatan ini.

### *Langkah 2:*

Setelah Jabatan ini mengesahkan betul ujudnya laporan kimia tersebut, sila menulis terus kepada Jabatan Peguam Negara untuk memohon kebenaran mendapatkan laporan Jabatan Kimia (jika kes tuan adalah kes Wilayah Persekutuan). Jika kes didaftarkan di negeri-negeri lain, sila menulis untuk memohon kebenaran kepada Pejabat Penasihat Undang-undang di negeri masing-masing.

Semasa memohon kebenaran dari Jabatan Peguam Negara/Jabatan Penasihat Undang-undang negeri, sila catitkan nombor makmal dan nombor repot polis bagi laporan yang diperlukan.

### *Langkah 3:*

Sila tunggu hingga menerima jawapan dari pihak berkuasa tersebut yakni Jabatan Peguam Negara/Pejabat Penasihat Undang-undang negeri. Setelah menerima surat kebenaran yang berkenaan, sila kemukakan surat memohon *Salinan Yang Disahkan Benar* bagi laporan berkenaan ke Jabatan ini dengan menyertakan salinan fotokopi surat kebenaran tersebut dengan kadar segera.

### *Langkah 4:*

Setelah Jabatan menerima surat permohonan salinan laporan dan salinan surat kebenaran tersebut, kami akan memberitahu tuan

mengenai salinan laporan yang dipohon *telah sedia untuk dipungut* dan dikeluarkan. Tuan diminta menyediakan Cek atau Kiriman Wang Pos atau Kiriman Wang dengan amaun tidak melebihi RM300 yang berpaling di alamatkan kepada **KETUA PENGARAH KIMIA MALAYSIA**. Jumlah bayaran bagi salinan tersebut juga akan dimaklumkan dalam surat kami tersebut

*Langkah 5:*

Salinan laporan yang disahkan boleh dipungut melalui dua cara iaitu:

- a. Tuan atau wakil tuan bolehlah datang sendiri ke Jabatan ini (Bahagian Forensik) untuk memungut salinan laporan dengan membawa bayarannya dan surat dari Jabatan ini yang menyatakan *salinan laporan telah siap untuk dipungut*.
- b. Melalui pos di mana tuan boleh menghantar bayaran yang dikenakan melalui pos (seperti di langkah 4 di atas) berserta salinan surat menyatakan *salinan laporan telah siap untuk dipungut*. Salinan laporan kimia tersebut berserta bil dan resit rasmi akan diposkan kepada tuan.